

# Mahathir nak rasmi bangunan MIDF \$12 juta

**KUALA LUMPUR, Isnin.**— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan bangunan MIDF pada 3 September depan dan serentak upacara itu pameran kerjatangan tempatan akan turut diadakan.

Demikian dinyatakan oleh Pengurus Besar Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF), Encik H. F. G. Leembruggen hari ini.

Bangunan pejabat baru MIDF setinggi 14 tingkat dan berharga \$12 juta itu terletak di Jalan Pekeliling.

Di samping MIDF, dua anak syarikatnya MIEL dan Perunding Perusahaan MIDF akan ditempatkan di pejabat baru itu.

Ruang pejabat juga akan disewakan kepada anak syarikat Petronas dan Yayasan Kewangan Bumiputera.

Bangunan pejabat lama MIDF di Jalan Ampang telah dijual kepada Bank Simpanan Nasional tahun lalu.

Pejabat baru itu antara lain mempunyai kemudahan bilik seminar dan kuliah yang moden, dewan persidangan, bahagian latihan yang lengkap dan perpustakaan.

Mengenai peranan MIDF, Encik Leembruggen berkata syarikat tersebut sedang menimbang kemungkinan menyediakan pinjaman jangka panjang.

Bagaimanapun, jelasnya ia akan terus memberi 60 peratus dari pinjamannya kepada perusahaan-perusahaan kecil.

Pinjaman yang dikeluarkan oleh MIDF berjumlah \$295.2 juta.

Antaranya ia telah memberi pinjaman hampir \$1,000 juta untuk pelbagai projek perindustrian, penyertaan ekuiti \$32.2 juta dan memberi sokongan kepada kira-kira 1,846 projek sejak penubuhannya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia